

PROJEK TERBESAR PR1MA DI PULAU PINANG SIAP LEBIH AWAL DARIPADA JANGKAAN

BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG (5 OKTOBER 2024): Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah berjaya menyiapkan **fasa pertama bagi Residensi Bukit Gelugor (Ideal Residency)** lebih awal daripada tarikh yang dijadualkan. Projek yang terdiri daripada 1,218 unit ini merupakan projek terbesar PR1MA di Pulau Pinang dan telah siap sepenuhnya berbanding sasaran asal penyiapannya iaitu pada Ogos 2025.

Di dalam Majlis Penyerahan Kunci Residensi Bukit Gelugor (Ideal Residency) kepada pembeli hari ini, seramai 20 orang pembeli rumah telah menerima kunci mereka daripada YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Turut menghadiri majlis ialah YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu, Exco Perumahan dan Alam Sekitar Pulau Pinang, YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan merangkap Anggota Perbadanan, Perbadanan PR1MA Malaysia, dan YBhg. Dato' Goh Teng Whoo, Ketua Pegawai Operasi, Ideal Property Group.

Projek ini, yang merupakan sebuah usaha sama antara PR1MA dengan Ideal Capital Venture Sdn Bhd, mempunyai Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah lebih RM365 juta dan telah menerima Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 22 Ogos 2024. Setakat 30 September 2024, sebanyak 1,198 unit telah terjual.

Harga Residensi Bukit Gelugor (Ideal Residency) adalah pada RM300,000 untuk setiap unit dan mempunyai keluasan 850 kaki persegi. Setiap unit menyediakan sebuah ruang yang moden dan selesa untuk para pembeli dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air serta sebuah balkoni. Setiap unit juga telah dipasang dengan gentian optik supaya penghuni dapat menikmati Internet berkelajuan tinggi di kediaman mereka.

Projek ini turut mempunyai pelbagai kemudahan dan fasiliti komuniti yang menggalakkan penduduk untuk membina sebuah komuniti dan persekitaran yang harmoni. Antara fasiliti yang disediakan termasuk gelanggang badminton dan bola keranjang, trek jogging, kolam renang untuk orang dewasa dan kanak-kanak, jakuzi, gimnasium *indoor* dan *outdoor*, kawasan permainan kanak-kanak, ruang kerja guna sama yang bertema, taman rekreasi, ruangan ping-pong, dewan komuniti, astaka BBQ, dek pandangan dan bilik yoga.

“Projek Residensi Bukit Gelugor (Ideal Residency) ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Kerajaan, melalui PR1MA, untuk mewujudkan perumahan yang selesa dan memenuhi permintaan, serta mampu dimiliki rakyat terutamanya di Negeri Pulau Pinang ini”, kata YB Tuan Nga Kor Ming ketika ucapan beliau di Majlis Penyerahan Kunci Residensi Bukit Gelugor (Ideal Residency).

“Saya percaya ini bukan sahaja satu projek yang memenuhi keperluan warga Pulau Pinang, malah ia akan dapat membina sebuah komuniti yang mampan dan holistik. Ini merupakan asas bagi membina sebuah negara Malaysia yang aman sejahtera dan harmoni”, sambung beliau.

Menurut YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan merangkap Anggota Perbadanan, PR1MA, “Saya amat berbangga dengan penyiapan projek ini yang lebih awal daripada masa yang dijadualkan. Ini membuktikan komitmen kami sebagai agensi perumahan mampu milik utama kerajaan untuk menyediakan kediaman berkualiti dan mampu milik kepada rakyat Malaysia yang memenuhi keperluan dan cita rasa moden.”

Setakat Ogos 2024, PR1MA mempunyai **88 projek**, bersamaan **54,137 unit di seluruh Malaysia** yang berada dalam pelbagai fasa pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **61 projek**, yang terdiri daripada **41,321 unit telah berjaya disiapkan**, manakala **27 projek yang terdiri daripada 12,816 unit masih dalam fasa pembinaan dan perancangan**. Ini termasuk **fasa kedua** bagi **Residensi Bukit Gelugor**, yang bakal menyediakan **1,632 unit** kediaman untuk warga Pulau Pinang.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di www.pr1ma.my atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada info@pr1ma.my.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga

berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perspective Strategies

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)